uum/00499/hm/23.11.2005/p: 48 (1)

# PALAPES UUM SERAP STRATEGI PERANG

HM 23/11/2005 48:1

PASUKAN Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Utara Malaysia (UUM) diminta menerapkan strategi peperangan dalam bidang pengurusan.

Naib Canselor, Datuk Dr Nordin Kardi berkata, antara strategi peperangan yang dikemukakan oleh guru strategi perang Sun Tzu ialah selalu berada dalam keadaan tidak dijangka.

"Dari segi produk yang boleh bertahan lama dalam pasaran dan mampu bersaing selalunya bersifat tidak dijangka," katanya di Majlis Persamian Latihan Khemah Tahunan Sesi 2005 PALAPES UUM di Lapang Sasar Genting Kabu, Perlis baru-baru ini.

Dr Nordin berkata, selain itu, Sun Tzu turut mencadangkan supaya kita berada dalam keadaan 'empty mind' untuk berada dalam keadaan tidak dijangka.

Katanya, alangkah elok jika PALAPES di UUM turut memberikan penekanan kepada usaha untuk mengkaji strategi-strategi perang, bagi diterapkan dalam bidang pengurusan selaras dengan usaha mengekalkan UUM sebagai universiti unggul dalam bidang pengurusan.

"Justeru, latihan-latihan dalam PALAPES sangat bersesuaian dengan prinsip dan disiplin tentera yang banyak mengajar kita supaya lebih teliti, berdisiplin dan berani menghadapi risiko bagi menjayakan sesuatu matlamat," katanya.

Sementara itu, pertandingan menembak jatuh piring turut diadakan membabitkan penyertaan 130 peserta terdiri daripada pasukan PALAPES dan kakitangan universiti.

Pertandingan itu dibahagikan kepada tiga kategori iaitu jabatan, jemputan dan kadet. Johan bagi kategori jabatan disandang Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan (FSKP) UUM, naib johan (G-7) dan ketiga Fakulti Pengurusan Teknologi (FPT).

Bagi kategori kadet, johan (Imagine Villa), naib johan (Kapak Kondo) dan ketiga (Singa Perkasa). Sementara kategori jemputan dimenangi pasukan Naib Canselor manakala pasukan jurulatih muncul sebagai naib johan.

Hadir sama di majlis itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa) merangkap Timbalan Komandan Palapes UUM, Lt. Kol. Prof. Madya Dr Abdul Razak Chik dan Ketua Jurulatih Palapes UUM, Mejar Masbah Hassan.

**UNGGUL... Johan menembak kategori staf Nazli Johari Johardy (kanan sekali), Mat Tarmizi Mat Teh (dua dari kanan), Mohd Rosli Abdul Rahman (dua dari kiri) dan Suhaini Darus (kiri sekali) disamping hadiah yang dimenangi.**